

17/03/2003

Peristiwa penting PNB

13 Januari 1977

Kerajaan melantik satu Jawatankuasa Kerja untuk mengkaji penubuhan tabung pelaburan Bumiputera. Jawatankuasa ini kemudian mencadangkan penubuhan Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB).

9 Januari 1978

YPB ditubuhkan sebagai sebuah syarikat terhad dengan jaminan mengikut Akta Syarikat, 1965.

17 Mac 1978

Permodalan Nasional Berhad (PNB) ditubuhkan oleh YPB mengikut Akta Syarikat, 1965 sebagai anak syarikat milik penuh YPB.

22 Mei 1979

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) ditubuhkan sebagai anak syarikat milik penuh PNB.

9 Januari 1981

Dasar skim pindah milik saham yang dipegang oleh agensi kerajaan kepada

individu Bumiputera menerusi PNB dilancarkan.

20 April 1981

Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dilancarkan. Lebih 170,000 Bumiputera perseorangan menyertai ASN di minggu pertama pelancaran.

8 September 1981

PNB menguasai Guthrie Corporation PLC menerusi 'dawn raid' di Bursa Saham London.

Januari 1982

Pembinaan Bangunan PNB 42 tingkat bermula di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur, .

4 Mei 1985

Perasmian Bangunan PNB yang baru oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam.

September 1985

Seramai dua juta pemegang unit dengan nilai pelaburan bersih sebanyak RM1,818 juta dicapai.

21 Oktober 1989

Skim Amanah Saham Bumiputera dilancar.

2 Januari 1991

Bermulanya kemudahan perkhidmatan talian terus antara ibu pejabat ASNB dengan 280 Pejabat Pos seluruh negara dan cawangan Malayan Banking Berhad

dan Mayban Finance Berhad. Ia adalah satu langkah ke arah menjadikan Pejabat Pos sebagai pusat kewangan bagi masyarakat luar bandar.

21 Mac 1992

Program Pembangunan Rakyat Termiskin yang menyediakan kemudahan pinjaman bagi ASB dilancarkan. Dalam program ini pinjaman RM5,000 tanpa faedah diberikan kepada keluarga termiskin/fakir berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Kerajaan menerusi Bank Negara memperuntukkan RM500 juta untuk program ini.

15 Januari 1994
Pelancaran program Bijak Sifir oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

19 Februari 1994
Hasil kejayaan PPRT pada 1992, kerajaan melalui Bank Negara memperuntukkan tambahan RM200 juta yang memberi faedah kepada 40 ribu penerima baru.

1 Mac 1994
ASNB memperkenalkan kemudahan Bantuan Khairat ASB kepada semua pemegang unit ASB.

13 Mei 1995
Pusat Latihan dan Percutian PNB (Ilham) di Port Dickson dirasmikan Pengerusi pertama PNB, Tun Ismail Mohamed Ali.

7 Oktober 1995
Program TV Along dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak di PWTC, Kuala Lumpur.

20 Jun 1996
Majlis Pecah Tanah Lot 181, Jalan Binjai, Kuala Lumpur untuk projek pembangunan pangsapuri berservis 39 tingkat oleh Pengerusi pertama PNB, Tun Ismail Mohamed Ali.

28 Ogos 1996
Majlis pelancaran Amanah Saham Wawasan 2020 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di PWTC, Kuala Lumpur.

Disember 1997
ASNB menerima pengiktirafan ISO 9002 daripada Sirim QAS Sdn Bhd

2 Mei 1998
PNB menganjurkan Pertandingan Karya Seni Kreatif Kartun Kebangsaan PNB '98.

6 November 1998
PNB memenangi Anugerah Kristal 1998 untuk projek perhubungan awam terbaik, menerusi program TV Along. Anugerah anjuran dwi tahunan Institut Perhubungan Raya (IPRM).

19 November 1998
PNB menandatangani perjanjian usaha sama dengan Securities Institute, Australia bagi menubuhkan PNB Investment Institute.

16 Disember 1998
Penganugerahan Sijil ISO 9002 kepada PNB bagi skop pelaburan oleh Sirim QAS Sdn Bhd.

26 - 27 Februari 1999
Mesyuarat pertama syarikat hartanah dan perladangan Kumpulan PNB di Pusat Latihan Golden Hope, Pulau Carey, Selangor.

17 April 1999
Tan Sri Dr Ahmad Sarji Abdul Hamid, pengerusi PNB menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah 1402.

9 Jun 1999
Pelancaran Minggu Pelaburan Bersama PNB oleh Perdana Menteri di PWTC, Kuala Lumpur.

Pelancaran ASN 2 oleh Perdana Menteri di PWTC.

13 November 1999
Pengerusi PNB, Tan Sri Dr Ahmad Sarji menerima Anugerah Pengarah Terbaik

1999 daripada Institut Pengarah Malaysia (MID).

15 November 1999

Majlis penyampaian Sijil Piawaian ISO 9002 kepada Pengurusan Pelaburan ASN Berhad, Pengurusan Pelaburan ASW 2020 Berhad, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad, PNB Property Management Sdn Bhd dan PMSB Management Services Sdn Bhd.

20 April 2000

Minggu Amanah Saham Malaysia (MSAM) dilancarkan Perdana Menteri di PWTC

dan mengumumkan 20 April setiap tahun sebagai tarikh sambutan MSAM berteraskan pendidikan bersepadu dan penyertaan masyarakat.

Pelancaran Amanah Saham Malaysia (ASM) oleh Perdana Menteri di PWTC.

9 - 20 Oktober 2000

Sambutan Hari Q PNB.

13 Oktober 2000

Majlis menandatangani perjanjian di antara PNB dan Maybank bagi cadangan

melupuskan 30 peratus kepentingan Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (HNB) kepada Maybank termasuk cadangan perubahan pengurusan Mayban Trust Fund One (MPTFI) daripada Mayban Trust Management Berhad (MPTMB) kepada PHNB.

18 Disember 2000

Majlis menandatangani perjanjian penubuhan Kursi Profesorial Yayasan Tun

Ismail dengan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya.

10-13 Ogos 2000

Ekspo PNB 2000 dirasmikan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob di Jengka.

20- 24 April 2001

Perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 oleh Perdana Menteri di Kota

Bharu, Kelantan.

Pelancaran Amanah Saham Didik (ASD) oleh Perdana Menteri di Kota Bharu, Kelantan.

25 Jun 2001

Pelancaran Buku Industri Saham Amanah Malaysia oleh Menteri Perdagangan

Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

31 Julai 2001

Perasmian Pejabat ASNB cawangan Kota Bharu oleh Sultan Kelantan Tuanku Ismail Petra

6 Ogos 2001

Majlis Penghargaan Penerimaan Anugerah Emas Konvensyen QCC Wilayah Tengah 2001.

16 Oktober 2001

Pelancaran Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3) oleh Perdana Menteri.

23 Disember 2001

Perasmian PNB Darby Park oleh Perdana Menteri.

24 Disember 2001

Perasmian Galeri Tun Ismail Mohamed Ali oleh Perdana Menteri.

4 Mac 2002

Upacara Pecah Tanah Taman Korporat PNB dan Pusat Kediaman PNB di Mukim Labu, Negeri Sembilan.

2 April 2002

Pelancaran Seminar Perancangan Kewangan Asas oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

20 - 26 April 2002

Perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia 2002 oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Alor Star, Kedah.

26 April 2002

Majlis penutup Minggu Saham Amanah Malaysia oleh Perdana Menteri.